

## Sistem dua parti menguntungkan jika rakyat tahu gunakan PM

13 OCT 1990

KUALA LUMPUR 12 Okt. — Sistem dua parti hanya akan menguntungkan negara jika rakyat tahu menggunakannya dengan memilih sebuah kerajaan yang kuat, kata Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad.

Tegasnya, kerajaan yang kuat boleh dibentuk sekiranya rakyat membenarkan 75 peratus undi kepada satu parti dan 25 peratus lagi kepada satu lagi parti.

"Sistem itu hanya berkesan jika rakyat memilih parti yang boleh menubuhkan kerajaan yang kuat," katanya pada sidang akhbar semasa melancarkan manifesto Barisan Nasional bagi pilihanraya umum di sini pagi ini.

Dato' Sri Dr. Mahathir menyatakan demikian ketika diminta mengulas pendapat beberapa pemimpin pembangkang bahawa sistem dua parti adalah baik bagi negara ini dan sudah sampai masanya ia diterima oleh rakyat.

Perdana Menteri berkata, sistem dua parti atau apa sahaja sistem tidak akan mendatangkan faedah melainkan rakyat tahu menggunakannya dengan baik.

"Apa guna sistem dua parti jika parti yang menang hanya memperoleh satu atau dua majoriti. Jika satu atau dua ahli Parlimen ini beralih kepada parti satu lagi maka ia akan lemah," katanya.

Tegasnya, berlaku di sebuah negara di mana seorang ahli Parlimen mengancam untuk berpindah parti sekiranya permintaannya tidak dipenuhi.

"Ini boleh dilakukan kerana kerajaan itu tidak memperoleh 2/3 majoriti dan hanya lebih satu kerusi. Jika anda ada kerajaan begitu, ia sebenarnya tidak ada kerajaan," katanya.

Oleh itu, kata Dato' Sri Dr. Mahathir, sistem dua parti tidak akan menyelesaikan masalah dan masalah sebenarnya akan dapat diselesaikan apabila rakyat memahami bahawa sesebuah kerajaan yang hendak dibentuk mesti kuat.

Menjawab satu pertanyaan, beliau berkata, walaupun negara mempunyai hanya satu sistem parti tetapi pengurusan negara berjalan dengan baik dan lancar.